

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 30.11.2017

SOALAN :

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan adakah Kementerian bersedia menerima cadangan penubuhan satu Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi setiap negeri untuk kemudahan warga pendidik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada sebarang cadangan untuk menubuhkan satu Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) untuk setiap negeri, memandangkan IPGK sedia ada masih mampu menampung keperluan semasa. Selain itu, KPM telah mula melaksanakan pertukaran fungsi semua Sembilan (9) IPGK sebagai mana yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017. Pertukaran fungsi IPGK kepada institusi TVET merupakan satu kaedah terbaik pengaplikasian Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi menampung keperluan segera terhadap kolej vokasional dan politeknik.